

on 14 March 2014

SMA Mahmudiah, Terengganu Lawat UNIMAS



KOTA SAMARAHAN, 14 Mac 2014 – Seramai 19 orang pelajar tingkatan lima dari Sekolah Menengah Agama (SMA) Mahmudiah, Kuala Berang, Terengganu, telah mengadakan lawatan ke UNIMAS, hari ini.

Lawatan tersebut diketuai oleh Cikgu Muhd Nor Ahmad dan turut serta ialah lapan orang cikgu dari sekolah berkenaan.

Menurut Cikgu Muhd Nor Ahmad, lawatan tersebut adalah salah satu program penanda aras bagi mereka dan ia bertujuan memberi pendedahan kepada pelajar mengenai UNIMAS.

Rombongan tersebut juga diberi taklimat oleh Penolong Pendaftar Bahagian Perancangan dan Komunikasi Korporat UNIMAS, Puan Aileen Anne Jinggong mengenai latar belakang UNIMAS, program-program pengajian yang ditawarkan dan sebagainya.

Artikel oleh Sarena Haidir || gambar oleh Azlandy Mohammad Ali Tuah || Bahagian Perancangan & Komunikasi Korporat